

RM20,000 berjaya dikutip melalui kempen tabung banjir Mydin



SERIPAH Noli Syed Hussin menerima sumbangan mangsa banjir daripada Ameer Ali di Subang Jaya, semalam.

SUBANG JAYA 4 Feb. - Kempen mengisi Tabung Bantuan Mangsa Banjir di Johor terus mendapat sambutan apabila sebanyak RM20,000 berjaya dikutip daripada orang ramai yang mengunjungi Pasar Raya Hyper Mydin (Mydin) USJ di sini, dalam tempoh empat hari.

Daripada jumlah itu, sebanyak RM14,700 disumbangkan daripada orang ramai manakala selebihnya daripada Mydin.

Sumbangan itu diserahkan oleh Pengarah Urusan Mydin, Datuk Ameer Ali kepada Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Wanita, Kebajikan dan Kebudayaan Selangor, Datin Paduka Seripah Noli Syed Hussin di sini, hari ini.

Kutipan itu seterusnya akan diserahkan kepada Tabung Mangsa Banjir TV3.

Kempen itu adalah anjuran bersama Institut Makanan Malaysia (FIM), Jabatan Pembangunan Wanita Negeri Selangor (JPW), Mydin dan Persatuan Tukang Ma-

sak Malaysia (CAM).

Ameer ketika ditemui selepas majlis itu berkata, sehingga hari ini pihaknya telah menyumbang wang tunai RM100,000 serta barang-barang keperluan bernilai RM400,000 untuk diserahkan kepada mangsa banjir di Johor.

"Sumbangan seperti ini adalah tanggungjawab semua rakyat untuk membantu golongan yang memerlukan," katanya.

Sepanjang empat hari kempen mengutip derma di Mydin USJ itu jelasnya, pelbagai aktiviti dijalankan termasuk mengukir buah-buahan dan sayur-sayuran, demonstrasi memasak, pertandingan perlumbaan membuat sambal belacan, menghias kek untuk kanak-kanak dan pertandingan membanjir minuman 'Mocktail' oleh para pelajar FIM.

Sementara itu, Seripah Noli memberitahu, beberapa pertubuhan wanita Selangor akan mengunjungi

dan menghulurkan bantuan sama ada dalam bentuk kewangan dan tenaga di kawasan-kawasan yang teruk dilanda banjir di Johor dalam bulan ini.

"Usaha FIM, Mydin dan CAM yang membantu menayakan aktiviti untuk mengisi tabung ini adalah usaha murni dan patut diteruskan memandangkan mangsa banjir memang memerlukan bantuan seumpama itu," katanya.

Sebelum ini tambahnya, UMNO Shah Alam telah mengumpul dana sebanyak RM10,000 untuk membantu mangsa banjir dan beberapa pertubuhan wanita turut berkunjung ke Johor bagi menyerahkan barang-barang keperluan harian selain sumbangan tenaga.

"Saya harap bantuan jangan terhenti setakat ini kerana mangsa banjir terus memerlukan bantuan dalam apa bentuk sekalipun sama ada kewangan, sumbangan barangan keperluan dan juga tenaga," katanya.